

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 17 BILANGAN 2 RABU 12 JANUARI 1972. 1391 رابو 25 ذوالقعدة PERCHUMA



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain sedang menyampaikan ucapan di-majlis itu. Gambar JHEU.

TUJUAN PENUBOHAN MAKTAB PERGURUAN UGAMA AKAN TERLAKSANA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tujuan2 penubohan Maktab Perguruan U gama Seri Begawan ada-lah di-yakini akan terlaksana dengan ada-nya usaha2 dari Majlis Maktab yang akan di-lantek, pengetua dan tenaga2 pengajar di-maktab itu.

Mereka dengan penoh jujur dan kesopanan akan menjalankan tugas itu di-samping kerjasama yang erat dari pegawai2 Jabatan Hal-Ehwal U gama yang terlibat dengan tugas2 maktab.

Demikin menurut Pengetua Hal-Ehwal U gama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, Dato Seri Utama Ag. Hj. Md. Zain ketika berucap di-majlis do'a selamat bagi memulakan kursus penuntut2 maktab tersebut pada hari Ahad lepas.

Menurut beliau lagi bahawa pada perengkat pertama ini, maktab itu akan melaksanakan dua kursus ia-itu kursus pertama bagi melayakkan guru2 u gama pelatoh menjadi terlatih yang terdiri dari mereka yang memegang sijil SRP atau yang tidak mempunyai-nya.

Sementara kursus yang kedua pula ia-lah bagi guru2 pelatoh yang memegang sijil SPM atau yang sa-bandang dengan-nya termasuklah pemegang Sijil Pelajaran U gama yang bergantung kepada shariat2 yang akan di-tentukan.

Bagi chalun2 yang akan mengikuti kursus yang kedua itu, tegas beliau, 'iklan untuk menjemput mereka yang berhajat akan di-keluarkan sa-sudah di-umumkan keputusan peperiksaan SPM yang baru berlaku ini.

Beliau juga menyatakan, di-samping penuntut2 maktab itu mengikuti mata2 pelajaran yang di-tentukan, mereka juga akan mengikuti kursus2 sambilan yang teratoh.

Pada tahun 1972 ini, katanya, salah satu kursus yang penting yang akan mereka ikuti ia-lah cheramah2 mengenai dengan sejarah Negeri Brunei yang akan di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja,



Awang Haji Othman bin Bidin Pengetua Maktab Perguruan U gama Seri Begawan juga turut berucap dalam majlis itu.

Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri.

Menerangkan akan kursus ini, beliau perchaya bahawa cheramah mengenai sejarah Negeri Brunei ini ada-lah merupakan perkara yang baru yang belum pernah di-cheramahkan sa-chara lengkap.

Untuk mengenalkan lebih dekat akan sejarah negeri ini, beliau berharap supaya Pengetua Maktab itu akan menjemput pihak2 lain yang berkepentingan untuk mengikuti cheramah2 itu demi untuk memberi pengetahuan kepada mereka.

Kapada penuntut2 maktab itu beliau mengingatkan mereka supaya menyedari dengan mendalam akan tugas2 penting mereka melayakkan diri sa-bagai guru2 yang terlatih yang berakhlak tinggi dan tidak jemu2 untuk berusaha menambah pengetahuan dan pengalaman.

Mengenai dengan buku2 pula, Pengetua Jabatan Hal-

(Lihat muka 8)

Lagi 20 orang guru Singapura di-pinjamkan ka-Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Republik Singapura telah meminjamkan lagi 20 orang guru kepada kerajaan Brunei pada tahun ini.

Majalah "Tafsir Darussalam" sedang di-jual

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal U gama Brunei telah menerbitkan siri pertama Majalah 'Tafsir Darussalam'.

Majalah tersebut memuatkan isi2 cheramah tafsir yang di-sampaikan di-majlis cheramah Al-Quran di-Mesjid Omar Ali Saifuddin Bandar Seri Begawan yang bermula kira2 sa-tahun yang lalu.

Majalah tersebut akan di-keluarkan sa-chara bersiri ia-itu pada tiap2 bulan.

Majalah 'Tafsir Darussalam' berharga 50 sen sa-naskhah dan ia-nya boleh di-beli dari Jabatan Hal Ehwal U gama, Bandar Seri Begawan dan chawangan-nya di-semua daerah di-negeri ini.

Guru2 itu akan berkhidmat di-sini sa-lama dua tahun dan mereka akan mengajar di-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkih dan Sekolah Menengah Arab Raja Isteri Anak Damit di-Bandar Seri Begawan.

Sa-ramai tujuh orang telah tiba petang semalam dan sa-orang lagi telah tiba di-sini pada 15 Disember yang lalu.

Dua orang di-jadualkan tiba hari ini dan 10 orang yang lain-nya akan tiba pada hari Sabtu 15 Januari.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal U gama menyatakan bahawa satu ranchangan lengkap telah di-susun untuk mengalu2kan ketibaan guru2 tersebut dalam satu majlis yang akan di-Dewan Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkih.

Ini termasuklah satu jamuan yang akan di-adakan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal U gama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain, Penguasa Pelajaran U gama, dan Pengetua Sekolah2 Menengah Arab

(Lihat muka 8)

PERTANDINGAN AKHIR BINTANG RADIO BAHAGIAH TIONG HWA



Johan bahagian lagu langgam, Awang Then Kim Leong, peserta dari Bandar Seri Begawan sedang menerima oskar dari Y.B. Pehin Datu Temenggong Lim Ching Choo.



Pasangan Yap Poi Lin dan Yap Pack Luran, yang telah berjaya menjadi johan dalam bahagian lagu paduan suara.

Lesen2 anjing bagi tahun 1972

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lesen2 anjing bagi tahun 1972 untuk kawasan Belait-Seria sekarang boleh di-dapati dari Pejabat Bandaran Kuala Belait dan Seria dalam masa waktu kerja tetapi tidak lewat dari jam 2.30 petang.

29 chalon lulus perekasa B. Melayu

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua puluh sembilan orang daripada sa-ramai 30 orang bukan Melayu, telah lulus peperiksaan bahasa Melayu, yang di-adakan dalam bulan lalu.

Perpustakaan itu yang di-anjorkan oleh Jabatan Pelajaran, Bahagian Pelajaran Dewasa, telah di-adakan di-Sekolah Pertukangan, di-Jalan Muara dan Sekolah Melayu Mohamed Alam, Seria.

Sembilan belas orang daripada chalon2 itu telah lulus peperiksaan Darjah Empat dan sa-puluh orang yang lain lulus peperiksaan Darjah Enam.

Pengerusi Lembaga Bandaran Belait berkata harga lesen bagi sa-ekor anjing jantan ialah \$3.00 dan \$5.00 bagi anjing betina.

Kata-nya, semua anjing2 yang telah mempunyai lesen baru itu, hendak-lah mengantungkan lesen2 tersebut di-leher.

Semua anjing2 jantan atau betina yang di-jumpai tidak mempunyai lesen sa-lepas 31 Januari akan di-musnahkan.

39 bakal anggota bomba di-temu-duga

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Bomba Brunei telah memenu-duga sa-ramai 39 orang pemohon yang ingin berkhidmat sebagai anggota2 pasokan itu.

Ia-nya, di-adakan sa-lama tiga hari, di-ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, di-Bandar Seri Begawan pada minggu lalu.

Sa-orang juruchakap bagi Pasokan Bomba menyatakan pemohon2 yang berjaya, akan menjalani satu kursus latihan, di-ibu pejabat pasokan itu, yang termasuk berkawat, menggunakan alat2 dan chara memadam api, sa-lain dari di-ajar chara2 memelihara alat2 kelengkapan pemadam api.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Then Kim Leong peserta dari Bandar Seri Begawan dan Dayang Liaw Wui Niong peserta dari Kuala Belait masing2 telah berjaya menjadi johan Bintang Radio 1971 bahagian lelaki dan perempuan.

Bintang Radio perengkat akhir yang di-anjorkan oleh Radio Brunei bahagian Tiong Hwa itu telah di-adakan di-Pusat Belia, Bandar Seri Begawan pada hari Sabtu lepas.

Pemenang kedua bahagian langgam lelaki di-menangi oleh Awang Leong Chee Seng peserta dari Seria dan pemenang ketiga ia-lah Awang Poi Lin peserta dari Bandar Seri Begawan.

Dayang Yap Pack Luran peserta dari Bandar Seri Begawan telah mendapat tempat kedua dalam bahagian langgam wanita dan pemenang ketiga ia-lah Dayang Wan Nyuk Kiaw peserta dari Seria.

Johan dalam bahagian lagu asli ia-lah Awang Leong Chee Seng peserta dari Seria, pemenang kedua, Dayang Liaw Wui Niong peserta dari Kuala Belait dan Awang Woo Shak Chung peserta dari Bandar Seri Begawan mendapat tempat ketiga.

Pasangan Yap Poi Lin dan Yap Pack Luran, dari Bandar Seri Begawan telah berjaya menjadi johan dalam bahagian lagu paduan suara, tempat kedua di-menangi oleh pasangan Lim Lin Pin dan Fang Mei Mei peserta dari Seria dan pemenang ketiga ia-lah pasangan Chew Khin Khuen dan Chen Pui Khuen juga dari Seria.

Sa-ramai 22 orang peserta termasuk sembilan orang peserta perempuan dari Bandar Seri Begawan, Seria dan Kuala Belait telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Enam belas orang peserta telah mengambil bahagian dalam bahagian lagu2 langgam dan enam orang peserta mengambil bahagian dalam bahagian lagu2 asli. Enam pasangan juga telah mengambil bahagian dalam bahagian lagu paduan suara.

Pertandingan akhir Bintang Radio itu telah di-rasmikan oleh Pengarah Penyiaran dan Penerangan, Awang G.V. de Freitas sementara hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Temenggong Awang Lim Ching Choo.



Dayang Liaw Wui Niong, johan langgam wanita.



Dayang Yap Pack Luran, naib-johan bahagian langgam.

Kerja2 membuboh ubat 'Abate'

BANDAR SERI BEGAWAN. Kaki tangan Projek Penghapusan Malaria, akan menjalankan kerja2 membuboh ubat Abate ka-dalam tong2 dan tangki ayer, di-rumah2 di-Kampung Ayer, dan rumah2 kedai, di-Pekan Kuala Belait bulan hadapan.

Ketua Projek Penghapusan Malaria, Dr. Y.T. Wu berkata, kerja2 itu akan di-jalankan, ka-atas rumah2 yang ber-No. 1 hingga ka-nombor 30, di-Kampung Ujong Tanjong-Kampung Ayer, dan 60 buah rumah kedai, di-Kuala Belait.

Kata-nya, kerja pertama, pembubohan ubat2 itu, di-tempat2 tersebut, di-jalankan dalam bulan Nobember lalu.

Dr. Wu menerangkan, ulangan-nya, mesti di-buat selepas tiga bulan. Bagaimana pun, tarikh dan masa lawatan itu, akan di-umumkan kemudian.

Ubat Abate, ia-itu sa-jenis ubat baru akan di-gunakan untuk menghapuskan nyamok Aedes Aegypti, pembawa kuman penyakit demam tulang belulang, di-kebanyakan kawasan di-dunia.

Dr. Wu berkata, ia-nya boleh di-buboh, di-dalam ayer minum dan sarna sekali, tidak mendatangkan kesan burok, kepada manusia, atau sebarang ternakan.

MENURUT sa-buah hadith bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: "Rebutlah lima perkara sa-belum datang lima perkara, muda sa-belum engkau tua, sehat sa-belum engkau sakit, kaya sa-belum engkau miskin, senang sa-belum engkau susah, hidup sa-belum engkau mati".

Kelima2 perkara yang kita sebutkan ini ada-lah nikmat2 yang maha besar kepada manusia khas-nya. Oleh itu patut-lah sa-siapa yang mendapat kelima2 perkara ini mengambil peluang untuk menggunakan-nya dengan baik menurut kehendak Allah dan Rasul-nya. Kalau-lah kita fahamkan dengan teliti maksud hadith Rasulullah ini, maka akan kita dapati bahawa baginda telah menerangkan dari keadaan muda kemudian sehat, lantas menjadi kaya, senang dan saterus-nya hidup kita sa-belum mati.

Jika kita mengambil panduan dari sabda baginda ini, ia-itu kalau hanya bermaksud untuk menggunakan muda itu hanya sa-mata2 untuk melepaskan hawa nafsu yang tidak di-kendalikan oleh akal fikiran dan hukum shara', maka sudah tentu muda itu akan sia2 pada hakikat-nya, sekali pun ia telah menggunakan muda itu dengan baik pada dzahir-nya.

Bagitu juga kesihatan yang di-gunakan untuk bekerja demi untuk menchari harta atau berbuat perkara2 yang tidak di-suruh oleh shara', sekali pun pada dzahir-nya dia telah menggunakan kesihatan itu. Saterus-nya kekayaan yang diperolehi itu di-gunakan bukan pada tempat-nya. Bagitu juga kelapangan dan kesenangan, jangan-lah di-gunakan hanya untuk bersia2 dengan menghabiskan masa terbuang bagitu sahaja. Akhir-nya Rasulullah s.a.w. telah mengingatkan bahawa hidup itu hendak-lah di-gunakan untuk mati, bukan hidup itu untuk menchari kepuasan hati.

Di-dalam hadith ini dapat-lah kita simpulkan bahawa kelima2 nikmat yang maha besar itu ada-lah untuk manusia mengingat akan nikmat yang penghabisan ia-itu hidup sa-belum mati. Kerana jika sekira-nya sa-seorang telah terlepas dari satu nikmat itu, maka dia tidak akan dapat mengecap nikmat itu semula, sa-lain daripada datang-nya kelohan dan kesalan. Maka dari sebab itu-lah sa-belum umat Islam menyesal, maka hendak-lah di-gunakan nikmat2 itu sa-belum ia-nya menghilang. Dan untuk menggunakan-nya pula hendak-lah berdasarkan yang di-haruskan oleh shara'. Kerana sa-seorang yang menggunakan yang mana bukan di-haruskan oleh shara', mereka itu akan rugi dan mendapat balasan seksa di-akhirat. Ini dapat kita fahamkan dari firman Allah Subhanahu-wataala di-dalam Al-Quran Al-Karim di-surah Hud ayat 15 dan 16 yang bermaksud:

"Sesiapa yang ingin kepada kehidupan yang dekat (dunia) dan perhisan, kami (Allah) bayar chukop kepada-nya perbuatan-nya itu di-dunia ini dan mereka tidak di-rugikan. Orang2 itu tiada mendapat

di-hari kemudian sa-lain daripada neraka. Di-sana tiada berguna apa2 yang telah mereka usahakan, dan terbuang perchuma apa yang mereka telah kerjakan".

Oleh yang demikian, mari-lah kita merenong sejenak untuk mengenangkan hal diri kita sendiri, kenangkan-lah umur kita, kenangkan-lah amalan2 kita, apakah yang banyak kita lakukan sa-lama ini, mana yang lebeh banyak di-antara amalan yang baik dengan amalan yang melangar hukum2 Allah, sa-sudah itu apakah langkah yang sa-patut-nya kita ambil, adakah kita mesti kekal tunduk menyembah perintah hawa nafsu kita? Atau segera kembali ka-jalan yang di-redhai Allah itu?

Dari itu mari-lah kita sama2 mengerjakan amal ibadat yang di-suruh oleh Allah itu, semoga kita akan mendapat nikmat dan rahmat daripada-nya. Amin ya rabul alamin.

LIMA PERKARA YANG MENGANDONGI NEKMAT YANG MAHA BESAR KAPADA MANUSIA



KHUTBAH JUMA'AT

15 orang murid di-pilih masuk ka-Sekolah Arab

BANDAR SERI BEGAWAN. —Sa-ramai 15 orang penuntut baru bagi tahun 1972 yang telah di-pilih untuk memasoki ka-Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah akan mula belajar dalam bulan ini.

Murid2 itu berumur 11 tahun telah di-pilih dari darjah IV sekolah2 Melayu dan darjah II sekolah2 ugama dari seluruh Negeri Brunei.

Pepereksaan pemilihan bagi memasoki ka-Sekolah Menengah Arab itu telah di-adakan di-empat buah pusat pepereksaan di-negeri ini dalam bulan Oktober tahun lalu di-mana sa-ramai 450 orang murid telah menyertai pepereksaan itu.

Sembilan orang dari murid2 yang berjaya terpilih ka-sekolah itu ia-lah dari Daerah Brunei-Muara, empat dari Daerah Belait dan dua dari Daerah Temburong.

Pengakap2 menjelajah Daerah Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 9 orang pengakap dari Pasokan Kedua, Sekolah Melayu Kasat telah mengadakan pengembaraan menjelajah jalan2 raya di-Daerah Temburong dengan menunggang basikal melalui Pekan Limbang bahagian kelima Sarawak, Pekan Bangar, Labu Estate, Amo, Batang Duri dan Kampong Bokok.

Walau pun banyak kesukaran dan kesusahan yang di-tempoh oleh Pengakap2 dalam penjelajahan mereka itu terutama sekali keadaan hujan dan banjir di-setengah2 jalan di-daerah itu namun akhir-nya pengakap2 itu telah berjaya menamatkan pengembaraan mereka apabila mereka sampai balek ka-Bandar Seri Begawan dan terus ka-Kampong Kasat pada 1 Januari, 1972.

Pengembaraan menjelajah jalan Daerah Temburong itu di-ketui oleh pemimpin pasokan itu Awang Noordin Haji Kasah dan penolong-nya, Mohammad Yusof Madin.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 12 Januari, 1972 hingga ka-hari Selasa 18 Januari, 1972 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Bulan Hari	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit Matahari
12 Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16 6-33
13 Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16 6-33
14 Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16 6-33
15 Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16 6-33
17 Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18 6-35
16 Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18 6-35
18 Jan.	12-36	3-57	6-32	7-44	5-04	5-18 6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tenga hhari.

Dua orang pegawai kadet AMDB berkursus di-U.K.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kadet Askar Melayu Diraja Brunei telah berlepas dengan kapal terbang pada hari Sabtu lepas ka-United Kingdom untuk menghadiri kursus Pegawai Kadet Tentera Laut, di-Maktab Tentera Laut Diraja Britania, Dartmouth.

Mereka itu, ia-lah pegawai kadet Abdul Latif bin Awang Damit, dan pegawai kadet Ismail Haji Sarbini.

Dua orang anggota pasokan yang lain, Major Musa bin Ya'akub dan Corporal Bujang bin Abdul Hamid telah berlepas ka-United Kingdom minggu lepas, untuk

menghadhiri kursus2 lain.

Major Musa, akan menghadiri Kursus Tentera di-Maktab Tentera Tentera Camberley, dan Corporal Bujang, akan menjalani kursus teknik radio sa-lama lapan bulan, di-Pusat Latihan Semboyan Diraja, Khemah Catterick.

(12hb. Januari, 1972)

SEJARAH NEGERI BRUNEI

PENGETUA Jabatan Hal-Ehwal Ugama telah mengumumkan bahawa Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan akan mengadakan cheramah mengenai dengan sejarah Negeri Brunei dalam kursus sambilan di-samping kursus2 yang lain di-maktab itu. Kursus itu akan di-adakan pada tahun ini juga.


Bakal peserta2 yang akan mengikuti-nya tidak hanya terhad kepada pelajar2 di-maktab itu, tetapi ia-nya ada-lah terbuka kepada orang2 lain yang berkecenderungan untuk mengetahui dengan lebih luas lagi berhubung dengan sejarah negeri ini.

Pengetua Jabatan Hal-Ehwal Ugama itu meminta kepada Pengetua Maktab tersebut supaya menggunakan inisiatif beliau untuk menjemput orang2 yang berkeinginan untuk mengikuti cheramah tersebut. Chara menjemput atau mengundang bakal peserta2 luar dari maktab itu ada-lah terpulang kepada kebijaksanaan pengetua di-maktab itu sama ada dengan chara menjemput melalui surat yang di-tujukan kepada orang2 yang terbuka dengan melalui 'iklan' di-surat2 khabar.

Mengenai dengan syarat untuk menjadi peserta dalam bahagian sejarah Brunei itu masih belum di-ketahui lagi. Tetapi biasa-nya bayaran2 tidak akan di-kenakan kepada peserta2.

Namun demikian, walau pun bayaran2 di-kenakan nanti, kita yakin hal itu tidak-lah menjadi persoalan yang memberatkan kepada bakal2 peserta yang benar2 berkeinginan mengikuti cheramah itu. Kerana, untuk mengetahui akan sejarah Negeri Brunei — dan yang lebih penting di-kalangan orang2 Brunei sendiri ada-lah perkara yang mustahak — dan, sa-memangnya mustahak mengetahui akan sejarah negeri sendiri sa-bagaimana yang di-dakwa oleh pemimpin2 negara kita. Kita perlu tahu supaya kita tidak teraba-raba dan giling kepala menjadi jawapan apabila di-tanya oleh orang2 luar. Justeru itu, kita yakin bahawa soal bayaran, jika ada, tidak akan menjadi masalah.

Pencheramah yang akan menyumbangkan tenaga-nya dalam kursus itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Diraja siapa yang telah menyusun buku "chatatan sejarah perwira2 dan pembesar2 Negeri Brunei". Ada-lah elok jika orang2 yang mempunyai pengetahuan serba sedikit mengenai sejarah negeri ini mengambil bahagian dalam kursus itu supaya pengetahuan sejarah negeri ini akan terkumpul lebih padat lagi.



Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pg. Anak Mohd. Salleh.



Meja yang di-buat dari kikiran kibal letrek yang telah di-buang dan kerusi2 yang di-buat dari kayu2 balak yang terdampar di-pantai Tutong.



Kawasan tempat penarohan bas, kereta dan kenderaan2. Kelihatan orang ramai sudah pun menggunakan kawasan itu.

KAWASAN PERKELAHAN YANG PALING MENAREK DI-BRUNEI

JABATAN Daerah Tutong telah melaksanakan salah satu projek kebajikan-nya untuk penduduk di-daerah itu dengan mengusahakan satu kawasan di-Kuala Tutong untuk di-jadikan kawasan perkemahan dan peranganin.

Sungguh pun pada dasar-nya yang kawasan perkemahan itu untuk penduduk2 di-sekitar Tutong, tetapi ia-nya juga telah menjadi tumpuan perkemahan penduduk2 dari daerah2 yang lain dalam negeri ini seperti Daerah Belait dan Brunei dan Muara.

Kawasan perkemahan itu telah pun di-gunakan sejak beberapa minggu yang lalu walau pun kerja2 pembebasan dan melengkapkan-nya dengan serba-neka kemudahan masih berjalan ranchak.

Kerja membersekan kawasan yang letak-nya kira2 dua batu dari Pekan Tutong itu telah di-mulakan sejak 1 Oktober tahun lalu dengan tenaga gotong-royong dari belia2, kaki-tangan kerajaan dan penduduk2 di-daerah itu.

Sejak gerakan pembebasan pertama itu di-laksanakan, kawasan itu telah menjadi tumpuan ramai yang bukan hanya terdiri dari pemuda pemudi dan keluarga2 untuk mengisi masa lapang di-hujung minggu, tetapi juga terdiri dari kumpulan2 kanak2 sekolah dan pengakap.

Kawasan perkemahan di-Kuala Tutong itu ada-lah satu2-nya tempat perkemahan yang akan menarik minat ramai dan merupakan kawasan yang terbaik dan terchante dari kawasan2 perkemahan yang lain di-negeri ini, jika peralatan2 dan kemudahan2 di-kawasan itu sempurna di-kerjakan.

TANPA PERUNTOKAN KHAS

Menurut Penolong Pegawai Daerah itu, Awang Zainal Abidin bin Haji Ibrahim, pelaksanaan kawasan perkemahan itu ada-lah tidak mempunyai peruntukan yang khas, kecuali gaji untuk pekerja2.

Dalam kawasan itu akan di-dirikan pondok2 yang berbagai2 bentuk-nya seperti bentuk ikan, chendawan dan payong dan meja2 serta kerusi2. Di-kawasan itu juga telah di-siapkan kawasan2 penarohan kereta dan bas2 untuk memudahkan pekelah2. Bekalan ayer dengan menggunakan "dragon pump" telah juga di-sediakan.

Kecuali pam ayer itu, semua kemudahan2 yang ada dalam kawasan itu ada-lah di-kutip dari dalam hutan dan kayu2 yang hanyut mendampar di-pantai Kuala Tutong serta bekas kikiran kibal letrek. Semua itu telah di-kutip oleh pekerja2 Jabatan Daerah itu untuk di-jadikan bahan pembinaan kawasan perkemahan tersebut.

Bahan2 dalam hutan yang di-gunakan itu termasuklah buloh, anak2 kayu, rotan dan nibong. Ini-lah bahan2-nya yang akan di-bentuk menjadi pondok, pagar dan saumpama-nya.


Pondok2 itu nanti akan di-jadikan gerai2 untuk menjual makanan, minuman dan lain2 keperluan menjamu selera sa-lain dari beberapa buah pondok khas untuk berehat.

Kawasan penarohan kereta yang ada di-situ boleh memuat lima buah bas sederhana, empat puluh buah kereta biasa dan lain2 kenderaan yang ringan. Tempat penarohan teksi juga ada di-sediakan.

Bersaberangan dengan pantai perkemahan itu, ia-itu di-tebing Sungai Tutong telah juga di-bena beberapa buah pondok termasuk sa-buah pondok khas untuk peranganin dan juga untuk memancing.

Memandang kepada bahan2 pembinaan dan susunan yang ada dalam kawasan itu, maka ia-nya tidak menunjukkan betapa besar-nya keyakinan pegawai2 Kerajaan di-daerah itu untuk melaksanakan projek2 yang chante dan menarik tetapi tidak mempunyai modal, bahkan dapat menggunakan kebijaksanaan mereka bagi penggunaan kawasan2 yang terbiar.

Dengan usaha itu juga, serba sedikit telah dapat memberikan contoh kepada rakyat dan penduduk negeri ini untuk menghargai barang2 yang terbuang, tetapi berguna.



Ini-lah pondok peranganin yang di-bena di-tebing Sungai Tutong. Pondok ini di-buat daripada nibong, rotan dan kayu2 hutan.



Kerusi yang terdapat dalam pondok peranganin yang di-bena di-tebing itu ada-lah di-perbuat dari rotan, lihat gambar atas.



Kerja2 menebang pokok2 dan membersekan kawasan itu telah di-mulakan pada 1 Oktober tahun lalu. Kelihatan orang ramai sedang bergotong-royong membuat kerja membersekan itu.



Di-kawasan penarohan kereta telah di-buat berpetak2 dengan sistem jalan sa-hala. Pekerja ini sedang menanam rumput pada petak2 pemisah itu.



"Dragon-pump" di-gunakan di-kawasan itu untuk bekalan ayer kepada pekelah2. Gambar atas, Penolong Pegawai Daerah, Awang Zainal Abidin sedang menunjukkan bagaimana kuat-nya ayer yang di-sedut oleh pam itu dari dalam tanah.

KENYATAAN

ORANG RAMAI DI-MINTA KERJASAMA SUPAYA JANGAN.

1. MEMANJAT, MENEBAANG, ATAU MEMATAH POKOK2
2. DUDUK ATAS MEJA
3. MEMBUANG SAMPAH
4. MENYALAKAN API

DENGAN PARENTAH
PEGAWAI DAERAH
TUTONG

Kenyataan seperti ini biasa-nya di-perbuat daripada papan, hard-board dan sa-umpama-nya, tetapi kenyataan yang di-buat di-pantai itu di-buat daripada buloh. Tulisan ini akan di-ubah dan di-ganti dengan tulisan yang di-bentuk daripada rotan.

PELUANG UNTUK MEMASOKI KELAS2 PELAJARAN DEWASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian, Pelajaran Dewasa telah menyusun rancangan mengenai semua pelajaran dewasa di-seluruh negeri bagi tahun 1972.

Di-antara susunan rancangan itu, termasuklah mengadakan pelajaran urusan rumah tangga, trengkas, menaip ilmu menyimpun buku kira2, seniphoto, musik, lukisan dan pelajaran berbagai bahasa, termasuk bahasa Melayu, Inggeris, China, Jepun, Pranchis, Jerman dan Hindi.

Pelajaran rendah dan menengah bagi semua mata pelajaran penoh aliran Melayu dan Inggeris, juga akan di-adakan.

Sa-banyak 30 buah pusat telah disediakan untuk mengadakan pelajaran2 tersebut yang terbuka kepada semua orang dewasa yang berumur 16 tahun keatas.

Mereka yang ingin mengikuti pelajaran itu bolehlah mendaftarkan nama kepada penyelia kelas2 dewasa di-sekolah2 yang berkenaan, atau kepada guru2 kelas dewasa yang sedang mengajar.



Penghuni2 rumah2 kerajaan di-seru jaga kebersihan

KUALA BELAIT. — Pegawai kerajaan yang mendiami rumah2 kerajaan di-kawasan bandaran Kuala Belait dan Seria telah di-minta kerjasama supaya menjaga kebersihan rumah dan kawasan masing2 di-daerah itu.

Menurut surat keliling yang di-keluarkan oleh Pegawai Daerah Belait, bahawa pegawai2 kerajaan yang diam di-rumah2 kerajaan daerah itu tidak di-benarkan mendirikan reban ayam, itek dan sebagainya.

Pegawai Daerah Belait meminta kepada mereka yang telah mendirikan rumah2 pondok tanpa mendapat kebenaran, supaya segera di-rubuhkan dan kawasan-nya hendaklah di-bersekan, dan mereka yang melanggar peraturan tersebut, akan di-ambil tindakan undang2.

Lumba jalan kaki 30 Januari

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lebih dari tiga puluh permohonan, telah di-terima untuk menyertai lumba jalan kaki jarak jauh, yang di-anjarkan oleh Kelab Lions Brunei.

Lumba jalan kaki itu, yang akan di-adakan pada 30 Januari, ada-lah terbuka kepada orang2 perseorangan dan pasukan, dan di-bahagikan kepada tiga bahagian, lelaki, perempuan dan berpasukan.

Sa-orang juruchakap, bagi jawatankuasa penganjor lumba itu berkata, tiap2 pasukan mesti-lah mempunyai 10 orang anggota.

Juruchakap itu berkata, sebuah pertubuhan, boleh menghantarkan lebih dari satu pasukan, dan bayaran masuk ialah sa-ringgit, bagi sa-tiap orang peserta.

Pulang sa-telah jalani kursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Enam orang guru Brunei, baharu2 ini telah pulang katanah ayer, sa-lepas tamat pengkajian bahasa Melayu sa-lama sa-tahun di-Universiti Malaya.

Mereka itu, ia-lah Awangku Mohamed bin Pengiran Abas, Awangku Mahmud bin Pengiran Damit, Awang Mohamed Deli bin Jais, Awang Abdullah Yusof bin Mohamed, dan Awang Othman bin Durani.

Mereka itu juga, ada-lah guru2 lulus dari Maktab Perguruan Brunei.

Sa-belum mereka pergi ka-Malaysia Barat, untuk men-

jalani pengkajian bahasa Melayu di-universiti itu, mereka telah mengajar di-sekolah2 rendah dan menengah, di-negeri ini.

Mereka sekarang di-tugaskan mengajar bahasa Melayu, di-sekolah2 menengah Melayu dan Inggeris, di-negeri ini.

Empat orang lulus pereksa China

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 4 orang lulus peperiksaan bahasa China primary dua, yang di-adakan di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Bandar Seri Begawan bulan Disember lalu.

Mereka ia-lah Kalthom binte Mohamed, J.K. Charles, Law Kit Neo dan Sim Suan Geok.

Dua orang lagi, Haji Mohamed Salleh bin Daun dan Sanmugan Nathan telah lulus peperiksaan bahasa Jepun primary dua.

TIGA ekor lembu tempatan yang telah di-suntek dengan chara Peranian Beradas dari baka Santa Gartudis yang telah di-lakukan dalam bulan Mach yang lalu telah melahirkan tiga ekor anak pada awal bulan Januari ini, di-ladang ternakan Jerudong.

Suntakan Peranian Beradas yang julong2 kali di-laksanakan di-negeri ini ada-lah merupakan satu teknik ternakan haiwan yang telah di-kelolakan oleh Pembantu Haiwan Kanan, Awang Abdul Aziz bin Sahat yang telah mendapat latihan di-Malaysia Barat mengenai dengan chara2 melaksanakan suntakan tersebut.

Menurut Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam, suntakan tersebut jika mendapat hasil yang memuaskan akan di-salurkan kepada pen-ternak2 lembu di-kampung2 di-seluruh negeri.

Gambar di-atas menunjukkan salah sa-ekor lembu dengan anak-nya hasil dari suntakan Peranian Beradas itu.

Jawatan2 kosong di-Istana Darul Hana

Pemohonan2 ada-lah di-pelawa dari chalun2 yang berkelayakan untuk mengisi jawatan2 di-Istana Darul Hana, Brunei.

1. BABY AMAH
2. AMAH PENCHUCHI
3. TUKANG MASAK.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 hingga 40 tahun, mesti-lah mempunyai pengalaman dalam pekerjaan yang berkenaan.

Tugas2:

Chalun2 yang di-pilih akan di-sediakan tempat kediaman mereka di-barrek dalam kawasan Istana. Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas pada siang hari atau malam.

Gaji:

Dalam sukatan berikut:—
BABY AMAH & AMAH PENCHUCHI; F. 1-2-3 EB 4 — \$180x5-240/EB/145x5-260.

(TUKANG MASAK); E. 1-2-3 — \$220x-10-350.

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalun2 yang berjaya yang bukan rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sa-chara berkontrek sa-lama 3 tahun termasuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan, dan kon-tek boleh di-baharui dengan persetujuan bersama. Bagi chalun2 yang terdiri dari rayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Bagi sa-seorang chalun yang di-lantik sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Pemohonan2 mesti-lah di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Perjawatan, Brunei, hendaklah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada-nya tidak lewat dari 22hb. Januari, 1972.



KENYATAAN2 PEGAWAI PENGUASA WARITH NEGERI BRUNEI

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/121/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Chuchu, d/a. No. 12, Kampong Kiulap, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Chuchu bin Mohamad Taha yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/122/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Awang Kassim bin Haji Shawal, d/a. Kampong Junjongan, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Haji Sawal bin Tamit yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak

membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/123/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayangku Amas bte. Pg. Ahmad, d/a. Batu 101, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Damit bin Pg. Omarali yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/124/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Alimah bte. Md. Hussein, d/a. Sulaiman bin Mohd Daud, Jabatan Setor & Perbekalan Negara, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Matussin bin Raub yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah

Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. B/LA/125/1971.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Karim bin Kahar, Kampong Sengkurong, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Daud bin Kahar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah abang kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 1/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Pengiran Anak Zubaidah bte. Pg. Aji, d/a. Kampong Sultan Lama, Bandar Seri Begawan, Brunei kerana minta Surat Kuasa ka-

pada harta pesaka yang di-punyai oleh Pengiran Aji bin Pg. Mahmud yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah anak kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

SURAT KUASA PESAKA

No. 2/1972.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Dayang Tipah bte. Mohd. Salleh, d/a. Ibrahim bin Hj. Mohd. Salleh, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Awang Mamun bin Buntar @ Awang Maimon bin Buntar yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah isteri kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-dengarkan di-dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada 22 hari-bulan Januari, 1972, pada jam pukul 9.00 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicharaan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.


Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Bandar Seri Begawan sa-belum tarikh tersebut di-atas.

Bertarikh 5 haribulan Januari, 1972.

MD. ALI BIN DAUD

Timbalan Pegawai Penguasa Warith Negeri Brunei.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



Kelulusan M.P.U. sama dengan Maktab Perguruan Brunei

(Dari muka 1)

Ehwal Ugama itu menekankan bahawa beliau menyedari akan kekurangan buku2 itu baik dalam bahasa Arab mahu pun dalam bahasa Melayu yang memperkatakan sa-chara khusus dan mendalam mengenai dengan chara2 mengajar dan chara2 penyampaian mata2 pelajaran ugama menurut kaedah yang sesuai dengan keadaan sekarang ini.

Menyedari akan hal itu, maka beliau berharap supaya

40 guru S'pura berkhidmat di-Brunei

(Dari muka 1)

Guru2 Singapura itu juga akan mendengar cheramah mengenai dengan adat istiadat Brunei yang akan di-sampaikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri dan cheramah mengenai sejarah pendidikan Ugama yang akan di-sampaikan oleh Penguasa Pelajaran Ugama, Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Sa-orang pegawai kanan kerajaan juga akan di-undang untuk memberikan cheramah mengenai pentadbiran.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama juga akan memberikan cheramah dalam majlis sambutan itu nanti.

Sementara itu, pada 16 Januari, Persatuan Penuntut2 Sekolah Menengah Arab akan mengadakan sambutan yang serupa di-dewan sekolah itu mulai 7.15 malam.

Dengan ketibaan 20 orang itu, ini menjadikan 40 orang guru dari Republik Singapura yang sekarang ini berkhidmat dengan kerajaan Brunei termasuk 10 orang yang tiba pada tahun lepas dan 10 orang lagi dalam tahun 1970 dan menyambong perkhidmat mereka sa-lama dua tahun lagi.

maktab tersebut akan dapat memainkan peranan-nya bagi berusaha untuk mengisi kekosongan sekarang ini.

Untuk meringankan peranan itu, beliau menshorkan kepada maktab supaya berusaha mengumpulkan pengetahuan2 dan pengalaman2 guru2 ugama yang ada di-negeri ini di-samping memikirkan chara2 yang lain untuk maksud itu.

Mengenai dengan taraf kelulusan dari maktab itu, beliau menjelaskan bahawa penuntut2 yang lulus dari maktab itu akan mempunyai taraf yang sa-banding dengan penuntut2 yang lulus dari maktab perguruan Brunei.

4 bulan penjara kerana menipu

KUALA BELAIT. — Mahkamah Kuala Belait telah menghukum Umar bin Wahab sa-lama empat bulan atas tuduhan menipu sa-orang pekedai di-Kuala Belait.

Umar yang telah mengaku salah, telah menipu sa-orang pekedai di-Pekan Kuala Belait pada 16 Disember yang lalu dengan mengatakan yang ianya telah di-suruh oleh sa-orang pegawai kanan kerajaan untuk meminjam wang sa-banya \$200.00 daripada taukey kedai itu.

Mahkamah juga telah menjatuhkan hukuman penjara atas Umar sa-lama satu bulan kerana menipu Loo Beng Chow dengan mengatakan yang di-tudoh juga di-suruh oleh pegawai tadi untuk mengambil satu tin minyak gas dan dua gantang beras pada hari itu juga.

Yang di-tudoh juga telah menipu Chop Zuelee dengan mengambil dua tin susu Dumex dan 24 biji batteri dan beliau telah di-hukum penjara sa-lama tiga minggu kerana kesalahan itu.

Ketiga2 hukuman itu berjalan sa-rentak.



Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari hadirin yang di-undang ka-majlis memulakan kursus Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

193 orang chalun lulus pereksa trengkas dan menaip

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 193 orang penuntut2 kelas dewasa telah lulus dalam peperiksaan trengkas dan menaip dalam aliran Melayu dan Inggeris.

Peperiksaan2 tersebut telah di-adakan dalam bulan Disember tahun lalu di-Sekolah Melayu Pusu Ulak, Sekolah Menengah Melayu SMJA, Maktab SOAS dan di-Maktab Anthony Abell, Seria.

Peperiksaan itu di-anjarkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei, Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sa-jumlah 132 orang penuntut telah lulus dalam peperiksaan menaip.

Sembilan puluh tujuh lulus dalam perengkat permulaan, termasuk 21 orang chalun lulus dalam aliran Inggeris. Tujuh orang chalun telah mendapat kelulusan istimewa dalam aliran Melayu dan tiga dalam aliran Inggeris.

Sembilan belas orang chalun lulus dalam perengkat menengah termasuk 10 orang cha-

lun lulus dalam aliran Inggeris. Dua orang chalun mendapat kelulusan istimewa dalam aliran Melayu dan Inggeris. 16 orang chalun aliran Melayu telah lulus dalam perengkat tertinggi dengan dua orang mendapat kelulusan istimewa.

Sa-ramai 61 orang chalun yang lain telah lulus dalam peperiksaan trengkas. Chalun2 yang lulus itu ada-lah bersamaan dengan 77 peratus.

Sa-ramai 30 orang daripadanya lulus dalam perengkat permulaan, 20 dalam perengkat menengah dan 11 orang lulus dalam perengkat tertinggi.

Pengetua Ugama akan merasmikan Surau Kg. Menengah

TEMBURONG. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin akan merasmikan pembukaan sa-buah surau di-Kampung Menengah di-sini pada hari Sabtu 15 Januari.

Suaru yang baru itu telah di-bena oleh orang2 kampung sa-chara bergotong royong dan menelan belanja kira2 \$2,000. Wang tersebut akan hasil derma daripada orang2 kampung di-kawasan itu.

Bangunan itu di-bena di atas sa-keping tanah yang di-punyai oleh Awang Haji Ahmad bin Haji Salleh.

Ketua Kampung Menengah, Awang Haji Salleh bin Adam telah menderma sa-banyak \$500.00 untuk perbelanjaan membena surau tersebut.

BAKAL2 PEGAWAI AMDB DI-KEHENDAKI

BANDAR SERI BEGAWAN. Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei sedang mempelawa pemuda2 bagi memenuhi jawatan sa-bagai pegawai regiment tersebut, bagi pengambilan orang2 baru dalam bulan Februari tahun ini.

Pemohon2 mesti-lah di-lahirkan di-Brunei, r a a y a t DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, bangsa Melayu sama ada dari

puak Belait; Bisayah; Brunei; Dusun; Kedayan; Murut atau Tutong, dan pemohon yang bukan dari satu2 puak itu hendak-lah beragama Islam dan menurut adat istiadat Melayu yang di-amalkan di-negeri ini dan raayat baginda.

Pemohon2 sekurang2-nya mempunyai kelayakkan Form V sekolah Inggeris berumur antara 18 hingga 25 tahun, tinggi tidak kurang lima kaki

dan berat tidak kurang dari 100 pound.

Chalun2 yang berjaya akan menjalani latihan asas di-Kem Berakas sa-lama enam bulan sa-belum di-hantar ke-sekolah2 kadet2 pegawai sama ada di-England atau Australia.

Permohonan dengan bertulis hendak-lah di-kirirkan kepada P e m e r e n t a h, Pasokan Askar Melayu Diraja Brunei, Kem Berakas tidak lewat dari 29 Januari, 1972.